

Kajian Penggunaan Teknologi *Radio-Frequency Identification* (RFID) bagi Kelancaran Pengurusan Bekalan Peralatan di Tapak Bina

Study on the Use of Radio-Frequency Identification (RFID) Technology for the Smooth Management of Equipment Supply at Construction Sites

Muhammad Aiman Safwan Azizan¹, Rozlin Zainal^{2*}, Narimah Kasim³, Noralfishah Sulaiman⁴

¹ *Jabatan Pengurusan Pembinaan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, 86400, Johor, MALAYSIA*

² *Centre of Excellence Project, Property & Facilities Management Services (PROFM^s), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA*

³ *KANZU Research, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA*

*Pengarang Utama: rozlin@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2025.06.01.038>

Maklumat Artikel

Diserah: 31 Mac 2025

Diterima: 30 April 2025

Diterbitkan: 30 Jun 2025

Kata Kunci

Cabaran, pengurusan bekalan, peralatan, RFID, tapak bina

Abstrak

Teknologi RFID menawarkan keterlihatan maklumat, kebolehsesanan, dan automasi dalam pengurusan bekalan peralatan, namun pelaksanaannya di tapak bina menghadapi pelbagai cabaran oleh kontraktor. Antaranya ialah sifat dinamik dan kerumitan projek pembinaan, pengurusan peralatan yang lemah, serta halangan integrasi teknologi. Oleh itu, objektif kajian ini adalah mengenalpasti cabaran, langkah dan menganalisis hubungan utama antara satu sama lain terhadap penggunaan teknologi RFID bagi kelancaran pengurusan bekalan peralatan di tapak bina. Kaedah kuantitatif melibatkan pengedaran 260 borang soal selidik terhadap kontraktor Gred 7 di Johor telah diedarkan melalui secara atas talian dan fizikal dengan kadar maklum balas 34.8% (87 responden). Pengiraan taburan statistik deskriptif; frekuensi, min serta korelasi digunakan untuk menganalisis data bagi mencapai semua objektif kajian dengan perisian SPSS. Dapatan kajian mendapati bahawa cabaran penggunaan teknologi RFID bagi kelancaran pengurusan bekalan peralatan di tapak bina ialah kurang kemahiran menyelenggara. Manakala bagi langkah mengatasi cabaran penggunaan teknologi RFID bagi kelancaran pengurusan bekalan peralatan di tapak bina ialah meningkatkan privasi dan keselamatan pengurusan data melalui penyediaan garis panduan mengumpul data. Bagi hubungan antara cabaran dan langkah-langkah mengatasi dengan "permintasan isyarat RFID" dan "tingkatkan kecekapan hubungan" mencatatkan signifikan yang paling kuat. Oleh

itu, kajian ini dapat memberikan panduan kepada kontraktor untuk meningkatkan kecekapan operasi dan pengurusan bekalan peralatan di tapak bina melalui langkah penggunaan teknologi RFID yang betul untuk menangani cabaran pengurusan di tapak bina yang terkini. Maka, diharap kontraktor boleh meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pengurusan logistik peralatan, yang seterusnya menyumbang kepada pengoptimuman kos dan jadual projek di tapak bina.

Keywords

Challenge, construction site, equipment, rfid, supply management

Abstract

RFID technology offers enhanced visibility, traceability, and automation in equipment supply management; however, its implementation in construction sites poses various challenges for contractors. These challenges include the construction projects' dynamic and complex nature, poor equipment management practices, and barriers to technology integration. This study aims to identify the challenges, propose solutions, and analyse the interrelationships between these factors in facilitating the adoption of RFID technology for efficient equipment supply management on construction sites. A quantitative approach was employed, distributing 260 questionnaires to Grade 7 contractors in Johor via online and physical methods, achieving a response rate of 34.8% (87 respondents). Descriptive statistical techniques, including frequency, mean, and correlation analyses, were conducted using SPSS to address the study objectives. Findings revealed that the primary challenge in implementing RFID technology for efficient equipment supply management is the lack of maintenance skills. Meanwhile, the key solution involves enhancing data management privacy and security by establishing data collection guidelines. The relationship analysis identified "RFID signal interception" and "improving connectivity efficiency" as the most significant factors. This study provides actionable insights for contractors to enhance operational efficiency and equipment supply management by properly implementing RFID technology, addressing contemporary construction site management challenges. Consequently, this could improve transparency and effectiveness in equipment logistics management, contributing to cost optimisation and adherence to project schedules.

1. Pendahuluan

Industri pembinaan sering berhadapan dengan ketidakcekapan dan kos tinggi, mendorong firma menggunakan teknologi *Radio Frequency Identification* (RFID) untuk meningkatkan prestasi projek (Kineber *et al.*, 2023). Menurut Ernstzen (2024), RFID merupakan penggunaan tag dan pembaca, membantu menjejak dan mengurus peralatan, bahan, serta aset, menggantikan kaedah manual tradisional. Di Malaysia, RFID semakin diterima kerana mampu mengatasi cabaran seperti pengurusan inventori, pengesanan aset, dan pemantauan tenaga kerja pembinaan (Wan Hamid & Loh, 2008). Teknologi ini meningkatkan kecekapan, mengurangkan kesilapan manual, dan mengoptimumkan operasi, menjadikannya alat penting untuk menyelaraskan operasi pembinaan. RFID telah menjadi alat penting dalam pelbagai industri, termasuk pembinaan, dengan meningkatkan kecekapan, keselamatan, dan penyelarasan operasi (Sarac, Absi, & Dauzère-Pérès, 2010). Penggunaan teknologi RFID dalam pembinaan di Malaysia mencerminkan kemajuan besar dalam transformasi digital dengan potensi merevolusikan pengurusan inventori dan pemantauan tenaga kerja. Teknologi ini dapat mengatasi cabaran seperti pengurusan peralatan yang tidak cekap dan kekurangan keterlihatan masa nyata dalam projek (Musarat *et al.*, 2024). RFID boleh meningkatkan pengurusan sumber dan penjimatan kos, selaras dengan inisiatif kerajaan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing (Kasim, Latiffi, & Fathi, 2013). Keberkesanannya dalam sektor lain seperti peruncitan dan logistik turut menyokong penggunaannya dalam pembinaan untuk memantau keselamatan dan produktiviti (Valero, Adán, & Cerrada, 2015). Pihak kontraktor terutamanya boleh mengoptimumkan RFID untuk meningkatkan kecekapan pengurusan peralatan di tapak bina (Lee, 2021; Waqar *et al.*, 2023).

Penggunaan teknologi RFID dalam sektor pembinaan di Malaysia menawarkan kelebihan seperti keterlihatan maklumat masa nyata dan automasi projek, namun menghadapi pelbagai cabaran seperti kompleksiti projek, pengurusan peralatan yang tidak cekap, dan gangguan teknikal (Kasim, Latiffi & Fathi, 2013; Lee, 2021; Chen *et al.*, 2013). Masalah ini menyulitkan kontraktor untuk mencapai kelancaran bekalan peralatan di tapak bina, sementara penggunaan teknologi ini masih kurang memberi impak signifikan dalam

meningkatkan operasi pembinaan (Kineber *et al.*, 2023; Musarat *et al.* 2024; Abkar *et al.*, 2024). Langkah penyelesaian mesra guna melalui integrasi RFID dengan teknologi lain seperti GPS dan GSM dianggap tidak efektif dalam industri pembinaan kerana kekangan kos, kebolehpercayaan isyarat, dan keperluan infrastruktur tambahan yang membebankan (Van Lieshout, 2007; Majrouhi, 2012; Woods, 2024), Terdapat kajian analisis hubungan antara cabaran dan langkah atasi bagi mengoptimumkan penggunaan RFID untuk pengurusan peralatan di tapak bina (Skibniewski & Jang, 2009; Jung & Jeong, 2017; Ibrahim, Ibrahim, & Varouqa, 2020) namun hanya tertumpu kepada pengurusan projek pembinaan secara purata sahaja (Wang, Lin & Lin, 2008; Kochovski & Stankovski, 2018; Waqar *et al.*, 2023).

Antara objektif kajian bagi kajian ini adalah mengenalpasti cabaran penggunaan teknologi RFID bagi kelancaran pengurusan bekalan peralatan di tapak bina. Menenalpasti langkah atasi cabaran penggunaan teknologi RFID bagi kelancaran pengurusan bekalan peralatan di tapak bina dan menganalisis hubungan antara cabaran utama dan langkah atasi cabaran utama terhadap penggunaan teknologi RFID bagi kelancaran pengurusan bekalan peralatan di tapak bina. Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

- H₁: Terdapat hubungan signifikan antara cabaran utama dan langkah atasi cabaran utama terhadap penggunaan aplikasi RFID bagi kelancaran pengurusan bekalan peralatan di tapak bina.
- H₀: Tidak terdapat hubungan signifikan antara cabaran utama dan langkah atasi cabaran utama terhadap penggunaan aplikasi RFID bagi kelancaran pengurusan bekalan peralatan di tapak bina.

Kajian ini berfokuskan penggunaan teknologi RFID untuk pengurusan bekalan peralatan di tapak pembinaan di Johor dengan tumpuan kepada kontraktor G7 yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) tahun 2024. Hampir 60.3% daripada nilai kerja pada suku keempat 2023 dengan Johor mencatatkan nilai kerja sebanyak RM4.0 bilion, menyumbang kepada peratusan yang signifikan dalam sektor pembinaan di Malaysia (Bernama, 2023). Nilai ini menunjukkan kepentingan negeri Johor sebagai teraju utama negara dalam industri pembinaan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024). Kontraktor G7 dipilih sebagai responden kerana berpengalaman melaksanakan projek mega, yang memberikan data praktikal mengenai pelaksanaan RFID di tapak bina (CIDB, 2020). Kajian ini bertujuan mengkaji RFID dalam meningkatkan kelancaran pengurusan peralatan di tapak pembinaan dengan tumpuan kepada cabaran penggunaan. Skop kajian hanya fokus kepada cabaran negatif penggunaan RFID dalam pengurusan peralatan di tapak bina kerana menurut Kineber (2023), elemen ini dapat mengukur masalah utama yang menghalang keberkesanan teknologi ini. Kajian Omotayo *et al.* (2024) dan Hamadneh *et al.* (2021) menegaskan kepentingan meneroka teknologi RFID dalam pengurusan projek pembinaan dan hubungan cabaran dan langkah atasi dalam konteks pengurusan logistik dalaman, yang relevan untuk kontraktor adalah sangat digalakkan.

Kajian ini penting kepada industri pembinaan khususnya teknologi yang berasaskan RFID. Hal ini kerana, teknologi RFID dijamin dapat melancarkan kerja di tapak bina tanpa gangguan. Selain itu, kajian ini dapat memberikan panduan kepada pihak kontraktor amya dan G7 khasnya bagi menambahbaik dari segi gerak kerja yang berlaku di tapak bina agar proses pembinaan berasaskan teknologi RFID lebih berkualiti seterusnya menepati dengan objektif kajian yang telah ditetapkan. Disamping itu, kajian ini juga boleh menjadi panduan untuk digunakan pada masa hadapan kepada pemegang-pemegang taruh dalam industri pembinaan. Malahan kajian ini juga penting kepada ahli akademik dan juga pengkaji. Penyelidikan ini dapat memberikan ilmu pengetahuan dan pemahaman baharu tentang pelaksanaan teknologi RFID dalam melancarkan pengurusan peralatan binaan.

2. Kajian Literatur

2.1 Konsep

2.1.1 RFID dalam Pembinaan

Industri pembinaan yang mencabar memerlukan pengurusan bahan dan proses yang teliti. RFID menawarkan penyelesaian untuk meningkatkan kecekapan, mengurangkan kos, dan meningkatkan keselamatan dengan menjejak objek secara automatik. Teknologi ini membantu mengurus peralatan, memastikan bahan tersedia tepat waktu, dan memantau pekerja untuk keselamatan dan produktiviti. RFID juga meningkatkan ketepatan inventori, kawalan kualiti, dan pengurusan projek, menjadikan pelaksanaan lebih lancar dan kos efektif (Jaselskis & El-Misalami, 2003; Majrouhi, 2012; Lee *et al.*, 2010; Dikbas, Ergen & Giritli, 2010).

2.1.2 Pengurusan Bekalan

Konsep pengurusan bekalan melibatkan pergerakan sistematik peralatan, maklumat, dan sumber dari pembekal kepada pengguna akhir melalui proses saling berkaitan untuk memastikan penghantaran tepat waktu, kuantiti betul, dan kos optimum. Dalam pembinaan, ia bermula dengan perancangan projek, diikuti perolehan, logistik,

dan aktiviti di tapak yang menyelaraskan bahan menjadi struktur siap. Kawalan kualiti memastikan pematuhan piawaian, diakhiri dengan penyerahan projek kepada pelanggan. Kecekapan proses ini penting untuk kos, kepuasan pelanggan, dan produktiviti (Christopher, 2016; Brandenburg, Gruchmann, & Oelze, 2019; Cataldo *et al.*, 2022).

2.1.3 Bekalan Peralatan Di Tapak Bina

Pembekalan peralatan yang cekap di tapak pembinaan memainkan peranan penting dalam kejayaan projek, mempengaruhi garis masa, kos, dan kualiti keseluruhan. Schaufelberger & Holm (2017) menekankan pentingnya perolehan teliti, logistik berkesan, penyelenggaraan berterusan, dan pengurusan penggunaan peralatan untuk produktiviti dan kecekapan. Kajian Nakanishi *et al.* (2022) mengaitkan keberkesanan bekalan peralatan dengan produktiviti tinggi dan kos rendah, manakala Lederle (2021) menegaskan penyelenggaraan dapat mengurangkan masa henti dan meningkatkan kebolehpercayaan. Penggunaan teknologi seperti *Building Information Modeling* (BIM) dan *Internet of Things* (IoT) juga dapat meningkatkan pengurusan peralatan dengan meramalkan keperluan penyelenggaraan dan mengoptimumkan penggunaan (Schaufelberger & Holm, 2017; Seuring & Muller, 2008; Heravi & Eslamdoost, 2015).

2.2 Cabaran Penggunaan Teknologi RFID bagi Kelancaran Pengurusan Bekalan Peralatan Di Tapak Bina

2.2.1 Kos Pelaksanaan yang Tinggi

Cabaran utama teknologi RFID dalam pembinaan ialah kos pelaksanaan yang tinggi, yang melibatkan pelaburan besar dalam tag, pembaca, perisian, dan infrastruktur (Khan, Ray, & Karmakar, 2024). Menurut Li & Visich (2006), kos ini boleh membebankan terutamanya bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS), membatasi penerimaan teknologi ini dalam industri. Selain itu, infrastruktur yang diperlukan untuk menyokong teknologi RFID memerlukan pemasangan pembaca dan antena di lokasi langkah, yang boleh menjadi sangat mahal terutamanya di Malaysia dengan tapak pembinaannya yang luas dan pelbagai. Faktor persekitaran seperti kelembapan tinggi, habuk, dan suhu ekstrem turut meningkatkan kos melalui keperluan perlindungan tambahan (Waqar, 2023). Di samping itu, kos latihan dan pengurusan perubahan juga tinggi, kerana kakitangan perlu dilatih secara menyeluruh untuk menggunakan sistem RFID dengan betul, yang melibatkan program latihan yang mahal dan masa penyesuaian yang panjang, seperti yang dinyatakan oleh Singh *et al.* (2014).

2.2.2 Sistem RFID yang Rumi

Sistem RFID dalam pembinaan melibatkan tag, pembaca, dan perisian untuk menjejaki aset, namun menghadapi cabaran seperti integrasi dengan teknologi pengurusan sedia ada yang kompleks dan mahal (Coltman, Gadh & Micheal, 2008). Faktor persekitaran seperti habuk, kelembapan, dan suhu ekstrem boleh menjejaskan prestasi RFID, manakala susun atur tapak yang dinamik memerlukan penempatan pembaca yang teliti (Ergen, Akinci, & Sacks, 2007). Isu kekurangan kakitangan berkemahiran teknikal, keselamatan, dan privasi data menambah cabaran dan kos sistem RFID yang rumit (Cheng *et al.* 1999; Yang & Wang, 2021).

2.2.3 Keadaan Tidak Stabil Di Persekitaran Tapak Bina

Keadaan persekitaran di tapak pembinaan menimbulkan cabaran besar bagi aplikasi RFID kerana persekitaran yang keras dengan habuk, serpihan, kelembapan, dan suhu melampau boleh menjejaskan prestasi tag dan pembaca RFID. Cuaca buruk seperti hujan lebat, panas melampau dan angin kencang boleh mengganggu aktiviti pembinaan, menyebabkan kelewatan dan risiko kesihatan pekerja (Khadka & Hwang, 2017). Bentuk muka bumi tidak rata atau curam dan keadaan tanah tidak stabil menambah kesukaran pergerakan jentera dan bahan, serta meningkatkan risiko kemalangan (Lee *et al.*, 2010). Aktiviti pembinaan menghasilkan sejumlah besar habuk juga menjejaskan kualiti udara dan prestasi mesin, memerlukan langkah kawalan habuk yang mahal dan berterusan (Nakanishi *et al.*, 2022).

2.2.4 Sistem FRID Mahal

Sistem RFID menghadapi beberapa cabaran yang mempengaruhi kos, julat, dan ketepatan dalam pembinaan. Tag RFID aktif menawarkan julat yang lebih panjang tetapi lebih mahal dan memerlukan bateri, manakala tag pasif lebih murah tetapi dengan julat terhad, menjadikan pengesanan peralatan di tapak luas mencabar (Ergen, Akinci, & Sacks, 2007). Gangguan isyarat oleh bahan binaan seperti logam, konkrit, dan kayu, serta cuaca buruk

dan gangguan elektromagnet, boleh menjejaskan ketepatan bacaan RFID (Ghanem, AbdelRazig & Mahdi, 2008). Selain itu, orientasi dan penempatan tag yang tidak tepat, serta kesilapan manusia dalam pengendalian dan latihan kakitangan yang tidak mencukupi, turut menyumbang kepada ketidaktepatan sistem (Jaselskis & El-Misalami, 2003; Cheng *et al.* 1999).

2.2.5 Privasi dan Keselamatan Data Tidak Telus

Penggunaan teknologi RFID dalam pembinaan berisiko menimbulkan kebimbangan terhadap privasi dan keselamatan data, terutamanya berkaitan dengan lokasi dan pergerakan peralatan serta kakitangan, yang boleh disalahgunakan jika diakses tanpa kebenaran (Sarac, Absi, & Dauzère-Pérès, 2010). Menurut Shih, Lin, & Lin (2005), penjejakan kakitangan menggunakan RFID boleh menjejaskan privasi, meningkatkan risiko kehilangan aset, serta mendedahkan pekerja kepada ancaman keselamatan seperti pengklonan tag dan pemintasan isyarat. Selain itu, syarikat pembinaan perlu mematuhi peraturan perlindungan data seperti *General data Protection Regulation* (GDPR) dan *California Consumer Privacy Act* (CCPA) bagi mengelakkan penalti dan kerosakan reputasi (Sun, Jiang, & Jiang, 2013).

2.2.6 Kurang Kemahiran RFID

Penggunaan teknologi RFID dalam sektor pembinaan memerlukan latihan dan pengurusan perubahan yang mencukupi untuk memastikan keberkesanan sistem dan penerimaan kakitangan (Liu, Bolic, & Stojmenovi (2009). Kekurangan latihan boleh menghalang pekerja mengendalikan peralatan RFID dengan betul dan mentafsir data yang dijana, yang membawa kepada penggunaan teknologi yang tidak berkesan (Jaselskis & El-Musalami, 2003). Kesilapan pemasangan dan penyelenggaraan sistem akibat kurang kemahiran menyebabkan prestasi yang rendah, kos tambahan, dan kelewatan projek. Pemahaman lemah tentang integrasi RFID dengan sistem sedia ada juga boleh mengakibatkan gangguan kerja dan kesilapan dalam pelaksanaan (Asif & Mandviwalla, 2005). Tambahan pula, kelemahan dalam keselamatan RFID berpotensi menyebabkan pelanggaran data dan ancaman siber yang menjejaskan privasi data sensitif (Asif & Mandviwalla, 2005; Sasi *et al.*, 2024).

2.3 Langkah Atasi Cabaran Penggunaan Teknologi RFID bagi Kelancaran Pengurusan Bekalan Peralatan Di Tapak Bina

2.3.1 Analisis Kos Faedah

Menurut Cepolina & Aquaro (2021) melaksanakan analisis kos-faedah yang teliti sebelum menggunakan sistem RFID adalah penting untuk membandingkan kos pelaksanaan dengan faedah yang dijangkakan, seperti peningkatan kecekapan, pengurangan kehilangan peralatan, dan pengurusan projek yang lebih baik. Ia termasuk menilai penjimatan langsung dan tidak langsung serta membentangkan *Return on Investment* ROI yang jelas kepada pihak berkepentingan (Jaselskis & El-Musalami, 2003). Selain itu, firma boleh mengurangkan kos dengan menggunakan rangkaian sedia ada seperti Wi-Fi untuk penghantaran data RFID dan peranti sedia ada seperti telefon pintar atau tablet sebagai pembaca RFID, meningkatkan fleksibiliti dan mempercepat proses pelaksanaan (Bosche & Haas, 2008).

2.3.2 Latihan Kemahiran Berkaitan FRID Kepada Pekerja

Latihan yang betul adalah kunci meningkatkan keberkesanan sistem RFID dalam kalangan kakitangan pembinaan. Program latihan yang komprehensif harus menekankan kepentingan teknologi RFID, aplikasi tag yang betul, dan tafsiran data yang tepat. Kursus penyelenggaraan berkala dan kemas kini tentang teknologi terkini juga penting untuk mengekalkan tahap kecekapan kakitangan Cheng *et al.* (1999). Firma pembinaan boleh memainkan peranan dengan melabur dalam program latihan yang disasarkan, bekerjasama dengan penyedia teknologi RFID dan pakar industri untuk memastikan kandungan latihan sesuai dan terkini. Menggalakkan budaya pembelajaran berterusan dengan menggalakkan pekerja binaan mengambil kursus pembangunan profesional dan aktiviti perkongsian pengetahuan Mehner, Rothenbusch, & Kauffeld (2024).

2.3.3 Meningkatkan Privasi dan Keselamatan Pengurusan Data

Perisian pengurusan projek dan inventori sedia ada adalah penting bagi memastikan kecekapan dan keselamatan sistem RFID serta penyepaduan data yang efektif (Khan, Ray, & Karmakar, 2024). Memanfaatkan *middleware* untuk menyeragamkan format data dan membolehkan penyegerakan masa nyata merentas sistem adalah

langkah yang berkesan. Selain itu, pembangunan platform pengurusan data berpusat dapat meningkatkan kecekapan pengambilan keputusan dan operasi (Ngcobo *et al.*, 2024). Syarikat pembinaan perlu membangunkan dasar dan prosedur yang jelas untuk privasi data dan keselamatan. Latihan kepada pekerja mengenai amalan terbaik keselamatan dan penggunaan yang betul data juga penting untuk meningkatkan pematuhan dan melindungi daripada kesilapan manusia (Bosche & Haas, 2008).

2.3.4 Memastikan Tag Diletakkan Dengan Betul

Menurut Majrouhi (2012), pemasangan tag RFID memerlukan kejelasan dan kecekapan kerana kesilapannya dapat mengurangkan kebolehbacaan. Orientasi dan penempatan yang betul tag RFID adalah penting untuk memastikan isyarat yang kuat dan bacaan yang tepat. Pekerja harus dilatih tentang teknik penempatan dan orientasi yang sesuai, sambil mengutamakan penggunaan tag dengan *antena omni-directional* untuk meningkatkan kebolehbacaan. Khan, Ray, & Karmakar (2024) mengatakan, tapak pembinaan yang penuh dengan objek logam dan bahan binaan memerlukan penggunaan tag RFID dan pembaca yang direka khas untuk persekitaran yang keras. Ia termasuk peranti yang mampu mengendalikannya gangguan isyarat dan penempatan pembaca yang langkah untuk mengurangkan halangan isyarat. Tinjauan tapak sebelum pemasangan juga penting untuk mengenalpasti sumber gangguan dan merancang penempatan optimum (Jaselskis & El-Musalami, 2003; Ergen, Akinci, & Sacks, 2007).

2.3.5 Memanfaatkan Teknologi untuk Ketepatan Data

Menggabungkan teknologi canggih seperti Internet of Things (IoT) dan pembelajaran mesin boleh meningkatkan ketepatan dan kebolehpercayaan sistem RFID (Arumugam, Britto, & Manoharan, 2019). Penerima IoT boleh melengkapkan sistem RFID dengan menyediakan data tambahan, seperti keadaan persekitaran yang boleh menjejaskan prestasi RFID. Algoritma pembelajaran mesin boleh menganalisis sejarah data RFID untuk meramal dan membetulkan potensi ketidaktepatan. Penyepaduan teknologi ini boleh membawa kepada sistem penjejakan dan pengurusan peralatan yang lebih mantap dan boleh dipercayai (Oesterreich & Teuteberg, 2016).

2.3.6 Menjalinkan Kerjasama dengan Penyedia Teknologi

Kerjasama dengan penyedia teknologi terbukti memberi kelebihan kepada syarikat pembinaan dalam pelaksanaan sistem RFID, termasuk peningkatan kecekapan, pemahaman teknologi mendalam, dan penyelesaian yang disesuaikan (Khan, Ray, & Karmakar, 2024). Contohnya, penyelesaian RFID yang diperibadikan mampu memperbaiki pengurusan inventori dan penjejakan aset (Zhang *et al.*, 2022). Selain itu, sokongan teknikal yang responsif membantu memastikan operasi sistem berjalan lancar dan mengurangkan gangguan (Oesterreich & Teuteberg, 2016).

2.4 Hubungan antara Cabaran Penggunaan Teknologi RFID dengan Langkah Atasi Cabaran bagi Kelancaran Pengurusan Bekalan Peralatan di Tapak Bina

Kajian Khadka & Hwang (2017) mengetengahkan isu cabaran kontraktor mengurus peralatan di tapak bina dengan kepentingan RFID iaitu gangguan tag-ke-tag dan faktor persekitaran yang menghalang isyarat secara meluas daripada RFID serta membuktikan kepentingan hubungan ini. Terdapat hubungan antara persekitaran di tapak bina, seperti habuk, kelembapan, dan suhu melampau, dengan prestasi tag RFID dan pembaca. Seterusnya, hasil daripada kajian yang dijalankan oleh Ergen, Akinci & Sacks, (2007) membuktikan bahawa peralatan seperti mesin kimpalan, motor, dan juga peranti komunikasi tanpa wayar yang lain boleh menyebabkan gangguan isyarat dan mengurangkan kebolehpercayaan bacaan RFID. Terdapat hubungan antara penggunaan RFID oleh kontraktor dan cabaran penggunaan iaitu ketepatan sistem RFID, dengan oleh gangguan isyarat, halangan fizikal, dan penempatan tag yang tidak tepat. Kajian oleh Sulaiman, Jaafar, & Mohezar, (2007) membincangkan hubungan langkah cabaran dan kesannya terhadap kerja pengurusan kontraktor iaitu garis panduan keselamatan dan privasi untuk sistem RFID, menekankan kepentingan menyulitkan data tag, pelupusan tag selamat dan menghalang penjejakan untuk meningkatkan keselamatan data. Di sini terdapat hubungan antara privasi dan keselamatan data dikumpul oleh RFID. Hasil daripada kajian dijalankan oleh Attaran (2012) membuktikan hubungan cabaran dan langkah atasi cabaran iaitu tetapan yang salah oleh kontraktor boleh menyebabkan kadar bacaan lemah, salah baca, atau kegagalan menangkap data sepenuhnya, mengakibatkan gangguan kelancaran aliran kerja di tapak bina. Hal ini menunjukkan terdapat hubungan antara kekurangan latihan dan kemahiran dalam penggunaan teknologi RFID dengan aliran kerja.

3. Kaedah Penyelidikan

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah mengkaji penggunaan teknologi RFID dalam melancarkan kerja pengurusan bekalan peralatan di tapak pembinaan dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu borang soal selidik bersama kontraktor G7 di Johor. Data yang dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 29 untuk menghasilkan statistik deskriptif seperti peratusan dan skor min, serta menjalankan analisis korelasi bagi menentukan hubungan antara pembolehubah yang dikaji iaitu cabaran dan langkah.

3.2 Pengumpulan Data

Pengumpulan data melibatkan dua kategori utama sumber data, iaitu data primer yang diperoleh secara langsung daripada kontraktor G7 melalui tinjauan lapangan (soal selidik). Borang diedarkan menggunakan dua pendekatan utama, iaitu secara bersemuka dan secara dalam talian melalui pelbagai platform digital seperti WhatsApp, Telegram, Twitter dan e-mel, yang memudahkan penyebaran maklumat kepada kontraktor G7 dengan lebih efisien. Manakala data sekunder yang dikumpulkan daripada pangkalan data sedia ada seperti artikel jurnal, prosiding, buku, laporan dan laman web rasmi untuk menyokong analisis kajian berkaitan cabaran penggunaan teknologi RFID dengan langkah atasi cabaran bagi kelancaran pengurusan bekalan peralatan di tapak bina.

3.2.1 Persampelan

Kajian ini memfokuskan kepada syarikat pembinaan kontraktor G7 di Johor yang berpotensi menggunakan teknologi RFID dalam pengurusan bekalan peralatan di tapak bina. Populasi kajian ini merangkumi 779 kontraktor G7 yang aktif di negeri Johor (CIDB, 2024). Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel telah ditentukan secara rawak berstrata, menghasilkan 260 kontraktor G7 sebagai responden kajian untuk memastikan kebolehpercayaan dan representasi data yang optimum.

3.2.2 Kaedah Kajian

Kajian ini telah menggunakan pendekatan kuantitatif secara menyeluruh bagi memperoleh data yang relevan dan komprehensif, selaras dengan usaha memenuhi setiap objektif yang telah digariskan. Borang soal selidik berstruktur yang terbahagi kepada tiga bahagian dibangunkan untuk mengumpul data. Bahagian A menumpukan kepada maklumat demografi responden seperti jantina, umur, kaum, kelayakan akademik, dan pengalaman dalam bidang pembinaan. Bahagian B adalah mengenai cabaran penggunaan teknologi RFID di tapak bina, manakala Bahagian C berkenaan langkah atasi cabaran. Borang menggunakan skala Likert 5 mata untuk mengukur persetujuan responden terhadap permasalahan dan langkah penyelesaian dalam kajian ini. Skala ini dipilih kerana kebolehpercayaan yang tinggi dan memberikan responden pelbagai pilihan untuk mengekspresikan pendapat mereka (Azhar & Mahamod, 2018). Penggunaan skala Likert yang bermula dari 'Sangat Tidak Setuju' hingga 'Sangat Setuju'. Skala Likert 5 mata terdiri daripada lima pilihan respons: Sangat Tidak Setuju (1), Tidak Setuju (2), Neutral (3), Setuju (4), dan Sangat Setuju (5) bagi pencapaian objektif kajian.

3.2.3 Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan langkah awal penyelidikan untuk menilai kesesuaian soalan, kaedah, dan sumber, serta memastikan soal selidik jelas sebelum kajian utama dijalankan. Setelah kajian rintis selesai, tindakan menilai maklum balas kontraktor pembinaan untuk memperbaiki item soal selidik telah dibuat bagi pengesahan soalan dan pernyataan soal selidik. Menurut Najib (2003), saiz sampel 6 hingga 20 responden adalah mencukupi untuk menganalisis kesahan luaran. Oleh itu, sebanyak 20 set borang set soal selidik telah diedarkan secara bersemuka fizikal dan atas talian namun, hanya seramai 6 orang kontraktor pembinaan sahaja yang terlibat. Jadual 1 memperincikan hasil ujian kebolehpercayaan dengan nilai alpha cronbach sebanyak 0.7900 bagi maklum balas yang diterima, menunjukkan tahap kebolehpercayaan sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi menurut Bond & Fox (2015). Dapatan ini sekaligus mengesahkan kesesuaian borang soal selidik untuk digunakan dalam proses pengumpulan data sebenar (Tavakol & Dennick, 2011).

Jadual 1 Ujian kebolehppercayaan

Soalan	Responden	Nilai Alpha Cronbach
111	6	0.7900

3.3 Analisis Data

3.3.1 Analisis Deskriptif Frekuensi

Kajian menggunakan analisis kekerapan untuk menganalisis data dalam tiga bahagian yang terdiri daripada Bahagian A (demografi), B (cabaran penggunaan aplikasi RFID bagi kelancaran kerja bekalan peralatan di tapak bina), dan C (langkah atasi cabaran penggunaan aplikasi RFID bagi kelancaran kerja bekalan peralatan di tapak bina). Analisis frekuensi dikira dengan bantuan perisian SPSS digunakan bagi mempersembahkan taburan kekerapan dalam bentuk peratusan dapatan Bahagian A borang untuk membantu menganalisis keputusan dan membuat kesimpulan umum.

3.3.2 Analisis Deskriptif Min

Analisis deskriptif iaitu min digunakan untuk mempersembahkan huraian kuantitatif dalam bentuk yang boleh diurus. Statistik deskriptif membantu pengkaji untuk menganalisis data yang lebih besar dengan cara yang munasabah. Analisis ini melibatkan Bahagian B dan C borang soal selidik bagi pencapaian Objektif 1 dan 2. Tinjauan soal selidik dilakukan dengan cara bergantian menggunakan skala penilaian. Jadual 2 menunjukkan tahap interpretasi min.

Jadual 2 Interpretasi tahap min (Azhar & Mahamod, 2018)

Skor Min	Tahap	Interpretasi Min
1.00 hingga 2.99	Rendah	Tidak setuju
3.00 hingga 3.99	Sederhana	Setuju
4.00 hingga 5.00	Tinggi	Sangat setuju

3.3.3 Analisis Korelasi

Analisis korelasi dalam kajian ini menentukan hubungan antara cabaran utama dan langkah utama atasi cabaran penggunaan aplikasi RFID di tapak bina. Analisis ini terlibat dalam pencapaian Objektif 3 kerana menurut Pan & Li (2021) ia sesuai digunakan untuk mengukur kekuatan dan arah hubungan linear antara dua pembolehubah cabaran dan langkah. Hasil analisis korelasi memberikan gambaran tentang sejauh mana cabaran penggunaan RFID mempengaruhi langkah bagi kelancaran kerja di tapak pembinaan. Kesimpulan korelasi didasarkan pada nilai pekali r, Pearson sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Namun proses ujian normaliti dinilai terlibat dahulu bagi mendapatkan tahap kenormalan data daripada borang soal selidik yang membolehkan pekali Pearson dijadikan asas penilaian hubungan. Analisis normaliti mendedahkan bahawa data menunjukkan nilai signifikan kurang daripada 0.05 iaitu sebanyak 0.001, justeru membenarkan penggunaan pekali Pearson sebagai asas dalam analisis korelasi, selaras dengan cadangan metodologi oleh Field (2018).

Jadual 3 Pekali Skala Penilaian Indeks Korelasi (Pallant, 2007)

Nilai Skala Korelasi (r)	Tahap Hubungan Korelasi
0.91 hingga 1.00	Sangat kuat
0.71 hingga 0.90	Kuat
0.51 hingga 0.70	Sederhana
0.31 hingga 0.50	Lemah
0.01 hingga 0.30	Sangat Lemah
0.00	Tiada hubungan

4. Keputusan dan Perbincangan

Sebanyak 260 set soal selidik telah diedarkan kepada syarikat pembinaan kontraktor G7 di Johor, dengan 87 set telah dikembalikan dengan jawapan lengkap dengan mencapai kadar maklum balas sebanyak 34.8% daripada jumlah soal selidik yang diedarkan. Kadar maklum balas ini melebihi peratus minimum yang disyorkan untuk

tujuan analisis statistik, yang mana adalah 30% respons (Kaliyadan & Kulkarni, 2019). Oleh itu, proses analisis data dapat diteruskan dengan keyakinan bahawa jumlah respons yang diterima mencukupi untuk menghasilkan keputusan yang sah dan boleh dipercayai.

4.1 Latar Belakang Responden

Jadual 4 menunjukkan rumusan analisis data Bahagian A dalam set borang soal selidik. Maklumat pendidikan menunjukkan majoriti responden (71.3%) memiliki ijazah sarjana muda, iaitu seramai 62 responden. Dari segi tempoh aktif dalam industri dengan 33.3% responden memiliki pengalaman antara 6 hingga 10 tahun iaitu seramai 29 responden. Mengenai jawatan, jurutera awam merupakan kumpulan terbesar iaitu 51.7% atau seramai 45 responden.

Jadual 4 Analisis deskriptif frekuensi latar belakang responden

No.	Maklumat Responden	Frekuensi	Peratus (%)
1	Tahap Pendidikan		
	Sijil Kemahiran	5	5.7
	STPM / Diploma	13	14.9
	Ijazah Sarjana Muda	62	71.3
	Sarjana / Ph.D	7	8.1
2	Tempoh Aktif Dalam Industri Pembinaan		
	1-5 tahun	24	27.6
	6-10 tahun	29	33.3
	11-20 tahun	27	31.0
	21 tahun ke atas	7	8.1
3	Jawatan		
	Pengurus Projek	17	19.4
	Jurutera Awam	45	51.8
	Arkitek	9	10.4
	Penyelia Tapak	15	17.3
	Lain-lain	1	1.1

4.2 Aplikasi RFID Terhadap Bekalan Peralatan Di Tapak Bina

Jadual 5 rumusan analisis data responden Bahagian B dengan purata tertinggi ialah "Menyepadukan teknologi canggih," mencatatkan purata 4.1609, diikuti "Meningkatkan kecekapan", "Meningkatkan keselamatan", "Mengurus peralatan" dan "Memastikan ketersediaan peralatan" masing-masing berkongsi kedudukan tempat kedua dengan purata 4.1494. Ia menunjukkan tahap persetujuan tinggi di kalangan responden terhadap kepentingan aspek-aspek tersebut. Perkara yang berada di kedudukan terakhir ialah "Mengurangkan kos," dengan purata 4.1034, namun ia masih berada pada tahap persetujuan "tinggi".

Jadual 5 Analisis deskriptif min aplikasi RFID terhadap bekalan peralatan di tapak bina

No.	Perkara	Purata (min)	Tahap Persetujuan	Kedudukan
Aplikasi RFID Terhadap Bekalan Peralatan Di Tapak Bina		4.1428	Tinggi	
1	Menyepadukan teknologi canggih	4.1609	Tinggi	1
2	Meningkatkan kecekapan	4.1494	Tinggi	2
3	Meningkatkan keselamatan	4.1494	Tinggi	2
4	Mengurus peralatan	4.1494	Tinggi	2
5	Memastikan ketersediaan peralatan	4.1494	Tinggi	2
6	Mengesan peralatan	4.1379	Tinggi	6
7	Mengurangkan kos	4.1034	Tinggi	7

4.3 Cabaran Penggunaan Teknologi RFID Bagi Kelancaran Pengurusan Bekalan Peralatan Di Tapak Bina

Analisis dapatan utama bagi Objektif 1 dalam Jadual 6 menunjukkan beberapa cabaran utama yang dihadapi oleh responden dalam pelaksanaan sistem RFID di tapak pembinaan. Faktor kos pelaksanaan yang tinggi

memperoleh purata keseluruhan 4.2052, dengan kos sokongan teknologi tinggi dan kos latihan tinggi menunjukkan tahap persetujuan "tinggi" (purata 4.2299). Faktor sistem RFID yang rumit juga menunjukkan tahap persetujuan "tinggi" dengan purata 4.2052, dan isu keperluan antara muka perisian khusus memperoleh purata tertinggi 4.2299. Keadaan tidak stabil di tapak bina dan isu sistem RFID yang mahal turut mencatatkan purata tinggi, di mana perlunya bentuk muka bumi rata dan latihan kakitangan yang tidak mencukupi masing-masing mencatat purata 4.1954 dan 4.2184. Selain itu, masalah privasi dan keselamatan data mencatatkan purata 4.2023, dengan pemintasan isyarat RFID memperoleh purata tertinggi 4.2414. Faktor kemahiran pula mencatatkan purata keseluruhan 4.2222, menunjukkan tahap persetujuan "tinggi" terhadap kesukaran penyelenggaraan dan peningkatan bajet projek (purata 4.2414). Dapatan ini selari dengan kajian Zhang *et al.* (2022), Li & Visich (2006) dan Lederle (2021) yang menyatakan bahawa kos teknologi RFID boleh menjadi beban besar bagi banyak firma pembinaan, terutamanya Perusahaan Kecil Sederhana (PKS), mempengaruhi keputusan untuk melaksanakan teknologi ini di tapak pembinaan.

Jadual 6 Analisis deskriptif min cabaran penggunaan teknologi RFID

No.	Cabaran Teknologi RFID	Purata (min)	Tahap Persetujuan	Kedudukan
Kos Pelaksanaan Yang Tinggi		4.2052	Tinggi	2
1	Kos Sokongan Teknologi Tinggi	4.2299	Tinggi	1
2	Kos Latihan Tinggi	4.2299	Tinggi	1
